

MRT anugerah tiga lagi pakej pembinaan

KUALA LUMPUR 14 Ogos - Mass Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd. (MRT Corp) hari ini menganugerahkan tiga lagi pakej bagi pembinaan laluan Sungai Buloh-Kajang yang semuanya bernilai RM563 juta.

MRT Corp dalam satu kenyataannya berkata, penganugerah itu dilakukan menerusi mesyuarat Jawatankuasa Pemerolehan Sehenti (OSPC) hari ini yang dipengerusikan oleh Menteri Kewangan Kedua, Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah.

OSPC telah menganugerahkan Pakej S1 kepada Trans Resources Corporation Sdn. Bhd. bagi kerja pembinaan dan penyiapan stesen dan kerja berkaitan di Sungai Buloh, Kampung Baru Sungai Buloh dan Kota Damansara untuk pakej yang bernilai RM283.7 juta.

Ahmad Zaki Sdn. Bhd. turut dianugerahkan Pakej S6 bagi kerja pembinaan dan penyiapan stesen di Taman Suntex, Taman Cuepacs dan Bandar Tun Hussein untuk pembangunan stesen dan kerja berkaitan untuk pakej yang bernilai RM174.6 juta.

Dua syarikat itu sebelum ini juga telah dianugerahkan bagi kerja-kerja berkaitan SBK dengan nilai berjumlah RM1.2 bilion.

Satu lagi pakej telah diberikan kepada Apex Communication Sdn. Bhd. iaitu Pakej S7 bagi kerja pembinaan dan penyiapan yang sama di Balakong dan Taman Kooperasi.

Setakat ini 40 daripada 85 pakej telah dianugerahkan, dan pihak MRT Corp menjangka kesemuanya akan dianugerahkan sebelum akhir tahun ini.